

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Pengajian Perniagaan Islam
Sent: Thursday, 16 March, 2017 4:15 PM
To: UUM - All Staff
Subject: IBS : WARGA IBS TELUSURI FLORA DAN FAUNA UUM



Assalamualaikum, Salam Sejahtera and Salam 1 Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato' / Assoc.Prof/ Dr./ Sir/ Mdm



IBS ONLINE: Tanggal 16 Mac 2017 (Khamis), Jawatankuasa Kebajikan, Rekreasi dan Sukan, Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS UUM COB), telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan aktiviti rekreasi meredah hutan Sintok dan menelusuri keindahan alam flora dan fauna tersembunyi yang merupakan khazanah berharga universiti. Aktiviti jelajah ini di ketuai oleh Dekan IBS sendiri iaitu Prof Madya Dr. Asmadi Mohamed Naim dan turut disertai Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Rekreasi dan Sukan IBS, Dr. Ahmad Bashir Aziz serta para pensyarah dan staf pentadbiran IBS.

Jelajah ini dimulai dengan pendakian serta menuruni bukit yang agak mencabar melibatkan jarak hampir lima (5) kilometer, walaupun bagaimanapun kebanyakan peserta begitu teruja dengan kewujudan serta keunikan pokok tiga (3) beradik yang bersaiz gergasi dan berusia ratusan tahun itu. Perjalanan yang bermula pada jam 9.00 pagi berakhir pada jam 11.30 tengahari dan aktiviti ini di akhiri dengan sesi makan tengahari secara santai di tapak semaian universiti. Para peserta aktiviti jelajah hutan sintok kali ini berharap agar aktiviti seumpama ini diteruskan pada masa akan datang kerana dalam kesibukan dengan tugas harian mereka juga memerlukan aktiviti rehat dan santai sebegini untuk merehatkan minda serta meningkatkan stamina masing-masing.

Sekian.

=====

Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS)
Kolej Perniagaan
Tel : 04-928 6659/6660/6661
Faks : 04-928 6653/6730



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.